

Kod Etika Kerja

Pendahuluan

Kod Etika Kerja FLA menetapkan standard buruh yang bermatlamat untuk mencapai syarat-syarat bekerja yang baik dan berperikemanusiaan. Standard kod etika adalah berdasarkan standard Pertubuhan Buruh Antarabangsa dan merupakan amalan buruh yang baik yang telah diterima umum di peringkat antarabangsa.

Syarikat-syarikat yang bergabung dengan FLA diharapkan untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan di negara tempat pekerja serta melaksanakan Kod Etika Kerja di tempat mereka bekerja. Ketika timbul perbezaan atau konflik dalam standard, syarikat-syarikat anggota FLA diharapkan untuk menerapkan standard yang tertinggi.

FLA memantau pematuhan kod tempat kerja dengan berhati-hati berdasarkan pematuhan kepada Standard Pematuhan dan Prinsip Pemantauan. Standard Pematuhan mengenal pasti keperluan-keperluan tertentu untuk memenuhi standard kod masing-masing, manakala prinsip-prinsip pemantauan ialah panduan penilaian pematuhan. FLA mengharapkan syarikat-syarikat anggota berusaha bertambah baik sekiranya standard kod tidak dipenuhi, dan untuk membangunkan mekanisme yang berkekalan untuk memastikan pematuhan yang berterusan.

FLA menyediakan model kerjasama, kebertanggungjawaban dan ketelusan serta berfungsi sebagai pemangkin untuk perubahan positif di tempat kerja. Sebagai sebuah organisasi yang menggalakkan penambahbaikan yang berterusan, FLA berusaha untuk menjadi pemimpin global dalam mengembangkan amalan-amalan terbaik demi tercapainya etika kerja yang terhormat kepada pekerja, dan menggalakkan syarat-syarat yang mampan di mana pekerja mendapat upah yang layak di tempat kerja yang selamat dan sihat.

UNSUR-UNSUR KOD	DEFINASI
HUBUNGAN KERJA	Majikan hendaklah mengaplikasikan dan mematuhi peraturan dan syarat-syarat pekerjaan yang menghormati pekerja dan sekurang-kurangnya, melindungi hak-hak mereka di bawah peraturan dan perundangan buruh serta jaminan keselamatan sosial nasional dan antarabangsa.
NON-DISKRIMINASI	Tiada seorang pun boleh tertakluk kepada apa-apa diskriminasi dalam pekerjaan, termasuklah perekrutan, pampasan, promosi, disiplin, penamatan atau persaraan, berdasarkan jantina, bangsa, agama, umur, kecacatan, orientasi seksual, kerakyatan, pendapat politik, kumpulan sosial atau asal-usul etnik.
GANGGUAN ATAU PENGANIAYAAN	Setiap pekerja hendaklah dilayan dengan hormat dan bermaruah. Tiada pekerja yang layak menerima gangguan atau penganiayaan secara fizikal, seksual, penderaan atau gangguan psikologi atau verbal.
BURUH PAKSA	Tidak ada penggunaan buruh paksa, termasuk lokap, buruh kontrak, buruh paksa, atau lain-lain bentuk buruh paksa.
BURUH KANAK-KANAK	Tiada seorang pun yang boleh diambil bekerja di bawah umur 15 tahun atau di bawah umur untuk menyelesaikan program pendidikan wajib, atau yang mana lebih tinggi.
KEBEBASAN BERPERSATUAN DAN RUNDINGAN SECARA KOLEKTIF	Majikan hendaklah mengiktiraf dan menghormati hak pekerja dari segi kebebasan berserikat dan rundingan secara kolektif.
KESIHATAN, KESELAMATAN, DAN ALAM SEKITAR	Majikan hendaklah menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk mencegah kemalangan dan kecederaan yang disebabkan, berkaitan dengan, atau berlaku semasa kerja atau akibat daripada pengoperasian kemudahan kerja. Majikan hendaklah mengambil langkah-langkah yang bertanggungjawab untuk mengurangkan kesan negative di tempat kerja terhadap alam sekitar.
JAM BEKERJA	Majikan tidak boleh meminta pekerja bekerja lebih daripada jam kerja biasa yang dibenarkan oleh undang-undang negara di mana pekerja bekerja. Jam kerja biasa dalam seminggu tidak melebihi 48 jam. Majikan hendaklah membenarkan pekerja berehat sekurang-kurangnya 24 jam berturut-turut dalam tempoh setiap tujuh hari. Semua kerja-kerja lebih masa hendaklah mencapai persetujuan. Majikan tidak boleh meminta kerja lebih masa secara rutin dan hendaklah memberi pampasan kepada semua kerja lebih masa pada kadar premium. Kecuali dalam keadaan luar biasa, jumlah jam kerja biasa dan jam kerja lebih masa tidak boleh melebihi 60 jam dalam seminggu.

PEMAMPASAN

Setiap pekerja mempunyai hak untuk menerima pampasan selama seminggu kerja biasa yang mencukupi untuk me-nampung keperluan asas pekerja dan sebahagian sebagai simpanan. Majikan hendaklah membayar sekurang-kurangnya gaji minimum atau gaji semasa yang sesuai, yang mana lebih tinggi, memenuhi kehendak undang-undang pada upah, dan memberikan apa-apa faedah tambahan yang diwajibkan oleh undang-undang atau kontrak. Apabila pampasan tidak memenuhi keperluan asas pekerja dan sebahagian sebagai simpanan, setiap majikan hendaklah bekerjasama dengan FLA untuk mengambil tindakan yang sewajarnya demi menepati jumlah pampasan yang diwajibkan.

www.fairlabor.org



852-2387-7899
csr@gearforsports.com